

Sasar jualan harta tanah RM900 juta

Matrix Concepts yakinkekalkan prestasi berdasarkan permintaan kediaman di Bandar Sri Sendayan meningkat

SEREMBAN - Syarikat pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Berhad menyasarkan jualan bernilai RM900 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, walaupun sektor itu mencatatkan sentimen lemah dalam pasaran harta tanah, syarikat itu meraih keuntungan bersih RM260.9 juta daripada RM912.2 juta pendapatan yang diperoleh sepanjang tempoh 15 bulan berakhir 31 Mac lalu.

Beliau berkata, sasaran jualan itu dibuat berdasarkan permintaan untuk kediaman yang meningkat di Bandar Sri Sendayan, di sini berikutan pembangunan perbandaran bersepadu dan harga yang berpatutan.

"Melihat kepada sambutan jualan projek yang sedang berjalan, kami yakin dapat mengekalkan prestasi jualan bagi pelancaran seterusnya yang telah dirancang," katanya.

Melihat kepada sambutan jualan projek yang sedang berjalan, kami yakin dapat mengekalkan prestasi jualan bagi pelancaran seterusnya yang telah dirancang." - Mohamad

Menurutnya, pihaknya juga dijangka akan melancarkan projek-projek tambahan bagi baki tahun 2017 dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM700 juta.

"Daripada pelancaran tersebut, rumah dengan harga mampu milik membentuk lebih daripada 80 peratus atau RM580 juta dalam GDV, manakala RM100 juta terdiri daripada unit-unit kediaman premium mewah dan bakinya terdiri daripada harta tanah komersil," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan



Mohamad Haslah (kanan) dan Pengarah Urusan, Datuk Lee Tian Hock melihat risalah harta tanah pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat, kelmarin.

Syarikat, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Mohamad Haslah berkata, dalam tempoh tiga bulan antara 1 April hingga 30 Jun lalu, syarikat telah melancarkan projek harta tanah

bernilai lebih RM400 juta di Bandar Sri Sendayan dan Bandar Sri Impian di Kluang, Johor.

Beliau berkata, Matrix Concepts Holding Berhad turut meningkat-

kan jumlah projek komersial bagi pelanggan yang berminat.

"Walaupun kediaman mampu milik terus menjadi tawaran utama, kita berhasrat melancarkan lebih banyak harta tanah komersil, bagi memenuhi keperluan komersil untuk populasi di Bandar Sri Sendayan yang pesat berkembang.

"Kami telah menetapkan lebih kurang 119.38 hektar berhampiran Sendayan untuk membina 3,000 unit rumah mampu milik, dengan pelancaran dijangka menjelang pertengahan tahun depan. Harga se-unit adalah hampir sama dengan rumah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)," katanya.

Mengulas mengenai simpanan tanah, beliau berkata, syarikat itu kini memiliki 809.37 hektar tanah di Negeri Sembilan, Johor dan Kuala Lumpur dan dijangka akan terus menyokong syarikat untuk tempoh 20 tahun lagi.